



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
*Malaysian Communications and Multimedia Commission*

**NOTIS**

**PEPERIKSAAN RADIO AMATUR 2006**

Menurut Peraturan 26 (2) Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menganjurkan Peperiksaan Radio Amatur bagi tahun 2006 pada hari **Khamis, 25 Mei 2006** dan **Rabu, 29 November 2006**. Individu berminat dan berumur 14 tahun ke atas pada hari peperiksaan adalah dipelawa untuk mendudukinya. Butiran lengkap peperiksaan adalah seperti berikut:

Pusat Peperiksaan (Wilayah)	Tarikh & Masa Peperiksaan	Tarikh Permohonan dibuka	Tarikh Permohonan ditutup
Tengah, Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak	25 Mei 2006 Jam 2:00 Petang	22 Mac 2006	14 April 2006
Tengah, Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak	29 November 2006 Jam 2:00 Petang	21 September 2006	13 Oktober 2006

Borang permohonan boleh diperolehi dari Ibu Pejabat SKMM, pejabat-pejabat wilayah SKMM dan melalui laman web SKMM di [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my). Sila kembalikan borang yang telah lengkap diisi kepada:

**Bahagian Teknikal**  
**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
**63000 Cyberjaya**  
**Selangor Darul Ehsan**

atau mana-mana pejabat wilayah SKMM sebelum tarikh tutup permohonan.

Sila tuliskan perkataan "**RAE 2006**" di sudut atas kiri sampul surat anda. Yuran peperiksaan adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50.00)** dan perlu dijelaskan melalui Wang Pos Malaysia atau Deraf Bank tempatan atas nama "**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**" dan disertakan bersama-sama borang permohonan.

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh peperiksaannya. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dari SKMM sehingga tarikh tersebut, adalah dinasihatkan untuk menghubungi En Mohamad Nazir Osman (03-8688 8247) atau Pn Wan Amilinda (03-8688 8240) untuk pengesahan. Alamat pejabat-pejabat wilayah SKMM adalah seperti berikut.

**Pejabat Wilayah Tengah**  
Aras 17, Wisma SunwayMas  
1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C  
Section 9  
40100 Shah Alam  
Selangor.

Tel: (603) 5518 7701  
Fax: (603) 5518 7710

**Pejabat Wilayah Utara**  
Unit 3, Level 11 Menara UMNO  
128, Jalan Macalister  
10400 Penang  
Pulau Pinang

Tel: (604) 227 1657  
Fax: (604) 227 1650

**Pejabat Wilayah Selatan**

Suite 7A, Aras 7 Menara Ansar  
Jalan Trus  
80000 Johor Bahru  
Johor

Tel: (607) 226 6700  
Fax: (607) 227 8700

**Pejabat Wilayah Sarawak**

Aras 5 (North), Wisma STA  
26, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim  
93450 Kuching  
Sarawak

Tel: (6082) 331 900  
Fax: (6082) 331 901

**Pejabat Wilayah Timur**

Aras 2, Bangunan Tabung Haji  
Jalan Bukit Ubi  
25200 Kuantan  
Pahang

Tel: (609) 512 1100 / 1119  
Fax: (609) 515 7566

**Pejabat Wilayah Sabah**

Aras 8, Wisma BSN  
Jalan Kemajuan  
Kamarunsing  
88000 Kota Kinabalu  
Sabah

Tel: (6088) 268 978  
Fax: (6088) 253 205